

TINJAUAN TERHADAP MASALAH PEKERJA BUMIPUTRA  
DARI ASPEK PENGURUSAN, SOSIAL DAN EKONOMI  
DIKILANG CARLSBERG, SHAH ALAM,  
SELANGOR DARUL EHSAN.

DISEDIAKAN OLEH :

RAMLI BIN ABU SAMAH	85914759
JOHARI BIN MOHD YUSOF	85924440
ROHANA BINTI ABDULLAH	85921905
NORAISAH BINTI MOHD SALLAH	86951307
MOHD MASTOR SANUSI	86008687

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKEKAN KEPADA KAJIAN  
PENTADBIRAN DAN UNDANG-UNDANG INSTITUT TEKNOLOGI  
MARA UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT  
BAGI MEMPEROLEHI DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM.

NOVEMBER 1989

TINJAUAN TERHADAP MASALAH PEKERJA BUMIPUTRA DARI ASPEK  
PENGURUSAN, SOSIAL DAN EKONOMI DIKILANG CARLSBERG, SHAH  
ALAM, SELANGOR DARUL EHSAN.

DISEDIAKAN OLEH:-

RAMLI BIN ABU SAMAH

JOHARI BIN MOHD YUSOF

ROHANA BINTI ABDULLAH

NORAISAH BINTI MOHD SALLAH

MOHD MASTOR SANUSI

KERTAS PROJEK YANG DIKEMUKAKAN KEPADA KAJIAN  
PENTADBIRAN DAN UNDANG UNDANG INSTITUT TEKNOLOJI  
MARA UNTUK MEMENUHI SEBAHAGIAN DARI SYARAT BAGI  
MEMPEROLEHI DIPLOMA PENTADBIRAN AWAM.

NOVEMBER 1989.

## PENGHARGAAN

**"DENGAN NAMA ALLAH YANG MAHA PEMURAH LAGI MENGASIHANI"**

Bersyukur kepada Allah S.W.T. kerana dengan limpah dan kurnia nya kami berupaya menyiapkan penyelidikan ini dalam masa yang ditetapkan. Walaupun banyak masalah dan rintangan yang terpaksa kami hadapi di sepanjang penyelidikan dijalankan tetapi atas usaha dan semangat setiap anggota kumpulan menjalankan tugas di samping kerjasama dari berbagai pihak yang telah memberi bantuan dan bimbingan maka kertas projek ini dapat disiapkan sebagaimana yang telah dirancang.

Kami ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada: Cik Shireen bte Harun – Pensyarah dan Penasihat Kertas Projek (PAD 355).

Sebagai seorang pensyarah dan penasihat kertas projek, beliau dengan penuh semangat telah memberi bimbingan, nasihat serta tunjukajar dengan penuh kesabaran dan keyakinan.

Kami menganggap segala teguran beliau terhadap kumpulan adalah teguran yang membina demi kebaikan di dalam menjayakan projek ini.

Penghargaan juga diberi kepada mereka yang telah memberikan kerjasama di dalam mengumpulkan segala maklumat yang kami perlukan khususnya kepada Pegawai-Pegawai di Carlsberg yang terdiri dari :

1.       PENGURUS LATIHAN DAN PENTADBIRAN  
          EN. ABD. MALIK
  
2.       PEGAWAI LATIHAN  
          EN. MOHD. AZHAR BIN ZAMRI
  
3.       PENYELIA KAKITANGAN  
          EN. AMAN BIN ABD. HAMID

Tidak ketinggalan juga kepada lain-lain kakitangan Syarikat Carlsberg dan responden yang terlibat secara langsung mahupun tidak langsung yang memberikan kerjasama mereka di dalam membantu menjayakan kertas projek ini.

SEKIAN, WASSALAM.



## ABSTRAK

Kajian ini dibuat bertujuan untuk mengetahui secara mendalam masalah kaum bumiputra yang bekerja di kilang Carlsberg dari aspek pengurusan kakitangan, aspek sosial dan ekonomi.

Dari aspek pengurusan ia meliputi aktiviti-aktiviti pengurusan kakitangan yang dilaksanakan oleh pihak syarikat Carlsberg. Dari sini dapat diketahui sejauh mana pihak majikan menguruskan kakitangannya dengan berkesan dan bertepatan dengan pengurusan yang ideal sebagaimana yang ingin dicapai oleh setiap organisasi.

Kajian dari aspek sosial pula merujuk kepada aktiviti-aktiviti sosial kebajikan pekerja serta keharmonian perhubungan antara pekerja di dalam persekitaran tempat bertugas dan selepas bertugas. Di samping itu penyelidikan dijalankan untuk mengetahui psikologi pekerja terhadap kerjaya disyarikat Carlsberg dan kesan dari pandangan negatif masyarakat umum kerana sebagaimana yang diketahui syarikat yang dikaji adalah terlibat di dalam perniagaan membuat bir yang nyata berlawanan dengan nilai-nilai orang Melayu.